

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 1996/97**

**Okttober /November 1996**

**HMT 401 Semantik Bahasa Malaysia**

**Masa: [3 jam]**

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab mana-mana **LIMA** [5] soalan.

1. Bezakan denotasi dan konotasi. Beri dua contoh untuk setiap satu.
2. Jelaskan istilah sinonim, antonim, dan homonim.
3. Makna perkataan berubah kerana perubahan sosial, perpindahan penduduk, kemajuan ilmu dan teknologi, perubahan ekonomi dan perubahan budaya. Beri dua faktor lain yang menyebabkan perubahan makna perkataan. Sertakan dua contoh bagi setiap satu.
4. Cipta dua simpulan bahasa, dua perumpamaan, dua bidalan dan dua pepatah melalui kaedah semulajadi dalam bahasa Melayu.
5. Ayat yang tidak menggunakan sendi nama mengalami kekaburuan makna. Jelaskan kekaburuan yang berlaku kepada ayat-ayat di bawah.
  - [a] Dia dipilih pengerusi.
  - [b] Mereka terdiri 22 kanak-kanak polis.
  - [c] Pencemaran alam dilakukan manusia.
  - [d] Ustaz membincangkan manusia derhaka.
  - [e] Bangunan terbakar dawaian elektrik.

6. Nyatakan falasi dalam kesimpulan silogisme berikut:

Silogisme a

Premis besar: Dalam banci di Perlis 40% mereka yang dibanci mengatakan mereka memakai sabun Lux.

Premis kecil: Sabun Lux akan dijual kepada rakyat Malaysia.

Kesimpulan: Oleh sebab itu, 40% rakyat Malaysia akan membeli sabun Lux.

Silogisme b

Premis besar: Calon Majlis Tertinggi UMNO suka menggunakan wang untuk berkempen.

Premis kecil: Hapuskan berkempen.

Kesimpulan: Maka, hapuslan kempen wang.

7. Apabila Y.A.B. Dr. Mahathir mengatakan kita perlu “tanda-tanda” yang menunjukkan kita mencapai kemajuan, beliau merujuk kepada Menara Pusat Kuala Lumpur. Bincangkan apa ekstension dan intension dalam pengertian beliau.

--oo000oo--